



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PEMBANTU JURURAWAT (BIDANG PERGIGIAN) (M.4-5 EB.6) KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.




**1. PEMBANTU JURURAWAT (BIDANG PERGIGIAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA PULUH (30)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Sijil Pembantu Jururawat (Pergigian) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang diiktiraf oleh Kerajaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pegawai Pergigian dan Jururawat Pergigian dalam tugas-tugas hariannya di dalam bilik rawatan;
2. Menyediakan peralatan pergigian yang sudah disterilkan di bilik rawatan bagi setiap sesi rawatan pergigian;
3. Menyediakan catatan jenis rawatan harian bagi setiap rawatan yang telah diberikan kepada pesakit oleh Pegawai Pergigian untuk membantu statistik Jabatan;
4. Memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pesakit / klien serta keluarga mengenai penjagaan setelah selesai rawatan dan memberikan pendidikan penjagaan kesihatan mulut;
5. Bertugas di klinik pergigian bergerak;
6. Melaporkan kepada Pembantu Jururawat Pergigian yang lebih kanan jika menghadapi masalah dalam bidang tugas;
7. Bekerjasama membantu kerja-kerja rakan sejawat;
8. Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu bagi memastikan pemeliharaan dan kebersihan di tempat bertugas adalah dikendalikan dengan teratur dan memuaskan;



9. Memberi perjanjian kepada pesakit-pesakit; dan
10. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.